

DR. M: 3

AMALAN

BERSAMA

KOTA KINABALU, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru segenap lapisan masyarakat mengilal slogan Kerajaan — Bersih, Cekap dan Amanah — dengan mempraktikkan ketiga sikap tersebut dalam kehidupan sehari-hari.

Perdana Menteri yang tiba di sini untuk lawatan sehari berkata, usaha Kerajaan membina pentadbiran yang bersih, ce-

kap dan amanah tidak terhad kepada kakitangan Kerajaan sahaja, malah melibatkan semua rakyat.

Setiap rakyat mesti bersikap bersih, mencari kecekapan dan mempunyai amanah, katanya ketika membuka Taman Perumahan Bersatu, sebuah projek Jaya Usaha Bersatu Sendirian Berhad.

Oleh AMIN OMAR

Jaya Usaha Bersatu ialah usahasama Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad dan Koperasi Berjaya Berhad.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, slogan Kerajaan tersebut bukannya satu slogan yang kosong tetapi perlu diisi dengan perbuatan yang seccok dengan

semangat slogan itu.

Menghuraikan, bagaimana rakyat boleh mengilal maksud slogan tersebut, beliau berkata, rakyat hendaklah sentiasa bersih dalam segala aspek dan soal itu tidak harus dibebankan kepada bahu Kerajaan.

Penduduk-penduduk Taman Perumahan seharusnya hendaklah menjaga bersih kawasan-kawasan mereka kerana Kerajaan juga berhasrat hendak menjadikan Malaysia sebuah

negara yang bukan sahaja stabil, tetapi cantik.

Beliau juga menyeru rakyat supaya rajin bekerja untuk memperoleh kecekapan, kerana dengan adanya kecekapan negara boleh berdaya.

Di Sabah, kata Perdana Menteri, rakyat sudah mencapai tahap kecekapan walaupun dalam bidang-bidang tertentu seperti binaan negeri tersebut masih bergantung kepada orang luar.

Beliau mengingatkan kalau terlalu bergantung kepada orang luar rakyat nanti akan menjadi lemah.

Mengenai amanah, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan tanpa sifat tersebut segala apapun tidak akan dapat dibuat.

Menyokong

Rakyat mesti menunaikan janji dan tanggungjawab mereka kerana tanpa sifat amanah segala kerja tidak akan mendatangkan kesan.

Beliau yang diberi sambutan hangat oleh penduduk setempat menyatakan kekaguman tentang kepesatan pembangunan di Sabah.

Terdahulu dari itu Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh berkata, rakyat Sabah menyambut baik segala perubahan yang dilakukan oleh Perdana Menteri dan Kerajaan Sabah menyokong penuh seruan Perdana Menteri agar rakyat bekerja keras dan menjadikan Malaysia sebuah negara progresif.

Taman Bersatu adalah sebuah projek rumah murah yang terletak dalam kawasan bandar melibatkan lebih 300 unit rumah.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr. Siti Hasmah di Lapangan Terbang Kota Kinabalu disambut oleh Datuk Harris dan kira-kira 3,000 orang dalam satu upacara yang gilang gemilang.

No. Siri 2593
No. Penerimaan 338/85